

PERATURAN PENGIJAZAHAN UNTUK PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN

- 1.0 Peraturan ini dinamakan 'Peraturan Pengijazahan untuk Program Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian'.
- 2.0 Dalam peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:
"Semester" ertinya semester pengajian selama empat belas (14) minggu.
"Intersesi" ertinya satu tempoh pengajian pendek selama tujuh (7) minggu.
"Kerjasama" ertinya program akademik UUM yang dijalankan sepenuhnya oleh Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).
"PJJ" ertinya Pengajian Jarak Jauh.
"Penuh Masa" ertinya pelajar yang mengikuti pengajian penuh masa di Kampus Universiti Utara Malaysia.

3.0 PENGANUGERAHAN IJAZAH

- 3.1 Ijazah-ijazah yang dianugerahkan adalah seperti berikut:-
- 3.1.1 Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian [BAcct (Hons)];
 - 3.1.2 Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat) dengan Kepujian [BAcct.(IS) (Hons)];
 - 3.1.3 Ijazah Sarjana Muda Perbankan dengan Kepujian [BBank (Hons)];
 - 3.1.4 Ijazah Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian [BFin (Hons)];
 - 3.1.5 Ijazah Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam dengan Kepujian [BIFB (Hons)];
 - 3.1.6 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Risiko dan Insurans dengan Kepujian [BRMI (Hons)];
 - 3.1.7 Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian [BBA (Hons)];
 - 3.1.8 Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Logistik dan Pengangkutan) dengan Kepujian [BBA (Log. & Tpt.)(Hons)];
 - 3.1.9 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia dengan Kepujian [BHRM (Hons)];
 - 3.1.10 Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian [BMA (Hons)];
 - 3.1.11 Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan dengan Kepujian [B.Ent (Hons)];
 - 3.1.12 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Antarabangsa dengan Kepujian [BIBM (Hons)];

- 3.1.13 Ijazah Sarjana Muda Pemasaran dengan Kepujian [B.Mktg (Hons)];
- 3.1.14 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian [B.Tech.Mgt (Hons)];
- 3.1.15 Ijazah Sarjana Muda Sains Dengan Kepujian (Teknologi Maklumat) [B. Sc. (IT) (Hons)];
- 3.1.16 Ijazah Sarjana Muda Sains Dengan Kepujian (Multimedia) [B. Sc (MM) (Hons)];
- 3.1.17 Ijazah Sarjana Muda Sains Dengan Kepujian (Sains Pemutusan) [B. Sc. (Dec.Sc) (Hons)];
- 3.1.18 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Pengurusan Perniagaan) [B.Ed (BA) (Hons)];
- 3.1.19 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Pendidikan Moral) [B.Ed (Hons) (Moral Education)];
- 3.1.20 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Pengajaran Bahasa Inggeris Untuk Sekolah Rendah) [B.Ed(Hons) (TEYL)];
- 3.1.21 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Pengurusan Pendidikan) (PKPGB)[B.Ed (Hons)(Education Management) (PKPGB)];
- 3.1.22 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Kemahiran Hidup Bersepadu)[B.Ed (Hons) (Integrated Living Skills)];
- 3.1.26 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Multimedia Interaktif) [B.Ed (Hons) (Mult.Int)];
- 3.1.27 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Teknologi Maklumat) [B.Ed (Hons) (IT)];
- 3.1.28 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Perakaunan) [B.Ed (Hons) (Acct)];
- 3.1.29 Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian [Bcomm. (Hons)];
- 3.1.30 Ijazah Sarjana Muda Sains Dengan Kepujian (Statistik Industri) [B. Sc. (Ind.Stats) (Hons)];
- 3.1.31 Ijazah Sarjana Muda Sains Dengan Kepujian (Matematik Perniagaan) [B. Sc. (Bus.Maths) (Hons)];
- 3.1.32 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hospitaliti dengan Kepujian [BHM (Hons)];
- 3.1.33 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian [BTM (Hons)];
- 3.1.34 Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian [B.Couns (Hons)];
- 3.1.35 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Kerja Sosial dengan Kepujian [BSW Mgt. (Hons)];

- 3.1.36 Ijazah Sarjana Muda Sains Ekonomi dengan Kepujian [BSc. (Economics (Hons))];
- 3.1.37 Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dengan Kepujian [LL.B (Hons)]
- 3.1.38 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Awam dengan Kepujian / Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Awam dengan Kepujian [BPM (Hons)];
- 3.1.40 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan dengan Kepujian [B.Dev.Mgt (Hons)];
- 3.1.41 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa (Kepujian) [BIAM (Hons)];
- 3.1.42 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Media dengan Kepujian [BMT (Hons)];
- 3.1.43 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Operasi dengan Kepujian [B.POM (Hons)];
- 3.1.44 Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Perniagaantani dengan Kepujian [BSc (Agribusiness Mgt. (Hons))];
- 3.1.45 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif dengan Kepujian [BCIM (Hons)];
- 3.1.46 Ijazah Sarjana Muda Falsafah, Undang-Undang dan Perniagaan dengan Kepujian [BPLB (Hons)]
- 3.1.47 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Acara dengan Kepujian [BEM (Hons)];
- 3.1.48 Diploma Pendidikan (Diploma in Education)

3.2 Kelas-kelas Ijazah adalah seperti berikut:-

- a. Kelas Pertama
- b. Kelas Kedua Atas
- c. Kelas Kedua Bawah

4.0 PENGAJIAN

4.1 Tempoh Pengajian

4.1.1 Penuh Masa/Kerjasama

- a. Tempoh maksimum yang diberikan untuk memperolehi Ijazah ialah sebelas (11) semester manakala tempoh minimum ialah tiga (3) semester.
- b. Seorang pelajar hendaklah memenuhi syarat bermastautin selama tidak kurang daripada tiga (3) semester di mana-mana pusat pengajian UUM.
- c. Pengecualian daripada had-had tempoh di atas dibenarkan kepada pelajar dengan kelulusan Senat mengikut merit sesuatu kes.

4.1.2 PJJ

- a. Tempoh maksimum yang diberikan untuk memperolehi ijazah ialah 20 semester manakala tempoh minimum ialah 6 semester.
- b. Pengecualian daripada had tempoh di atas dibenarkan kepada pelajar dengan kelulusan Senat mengikut merit sesuatu kes.

4.2 Struktur Pengajian

Untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian, seorang pelajar dikehendaki mengambil dan lulus dengan mendapat kredit minimum yang ditetapkan oleh sesuatu Program. Walau bagaimanapun struktur program hendaklah terdiri daripada komponen yang masing-masingnya tidak kurang daripada bilangan kredit berikut:-

- a. Teras Universiti
Jumlah kredit yang ditetapkan adalah tertakluk kepada keperluan yang ditetapkan dalam program masing-masing.
- b. Teras Program
Jumlah kredit bagi Teras Program hendaklah mengikut struktur yang telah ditetapkan dalam program masing-masing.

4.3 Beban Kerja (Peperiksaan)

Beban kerja bagi setiap pelajar adalah tertakluk kepada status berikut:-

a. Penuh Masa/Kerjasama

i. Pelajar Berstatus Lulus

Seorang pelajar, bagi memenuhi syarat 4.0 di atas, dikehendaki mengambil sebanyak tidak kurang daripada dua belas (12) kredit dan tidak lebih daripada dua puluh dua (22) kredit dalam satu semester. Dalam kes-kes yang istimewa, seorang pelajar boleh diizinkan mengambil lebih daripada dua puluh dua (22) kredit atau kurang daripada dua belas (12) kredit dengan kelulusan

bertulis daripada Penolong Naib Canselor / Dekan Pusat Pengajian Kolej masing-masing.

ii. Pelajar Berstatus Lulus Bersyarat/ Mengulang

Seorang pelajar yang statusnya Lulus Bersyarat atau Mengulang dikehendaki mengambil sebanyak tidak kurang daripada dua belas (12) kredit dan tidak lebih daripada lapan belas (18) kredit. Dalam kes-kes yang istimewa, seorang pelajar boleh diizinkan mengambil kurang daripada dua belas (12) kredit atau lebih daripada lapan belas (18) kredit dengan kelulusan bertulis daripada Penolong Naib Canselor / Dekan Pusat Pengajian Kolej masing-masing.

b. PJJ

i. Pelajar Berstatus Lulus

Seorang pelajar, bagi memenuhi syarat 4.0 di atas dikehendaki mengambil sebanyak tidak kurang daripada lima (5) kredit dan tidak lebih daripada lima belas (15) kredit dalam satu-satu Semester. Dalam kes-kes yang istimewa, seorang pelajar boleh diizinkan mengambil lebih daripada lima belas (15) kredit atau kurang daripada lima (5) kredit dengan kelulusan bertulis daripada Penolong Naib Canselor / Dekan Pusat Pengajian Kolej masing-masing.

ii. Pelajar Berstatus Lulus Bersyarat/ Mengulang

Seorang pelajar, yang statusnya Lulus Bersyarat atau Mengulang dikehendaki mengambil sebanyak tidak kurang daripada lima (5) kredit dan tidak lebih daripada sepuluh (10) kredit. Dalam kes yang istimewa seorang pelajar boleh diizinkan mengambil kurang daripada lima (5) kredit atau lebih daripada sepuluh (10) kredit dengan kelulusan bertulis daripada Penolong Naib Canselor /

Dekan Pusat Pengajian Kolej masing-masing.

c. Intersesi

Seorang pelajar yang mendaftar semasa pengajian intersesi boleh mendaftar kursus sehingga maksimum lapan (8) kredit.

4.4 Pendaftaran dan Pemilihan Kursus

Semua kursus yang diambil bagi sesuatu semester hendaklah didaftar. Pendaftaran bagi kursus tersebut hendaklah dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan. (Sila rujuk hebahan tarikh di dalam website www.uum.edu.my/hea atau melalui MEMO dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Kolej Akademik).

4.5 Penambahan dan Pengguguran Kursus

Penambahan dan pengguguran kursus yang didaftarkan hanya boleh dibuat dalam tempoh yang ditetapkan tertakluk kepada syarat 4.3 di atas. (Sila rujuk hebahan tarikh di dalam website www.uum.edu.my/hea atau melalui MEMO dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Kolej Akademik)

5.0 PENILAIAN

5.1 Peruntukan Penilaian

a. Penilaian dibahagikan kepada dua (2) perkara iaitu kerja kursus dan peperiksaan akhir. Peraturan penilaian kerja kursus dan peperiksaan akhir ditentukan oleh Jawatankuasa Akademik Kolej masing-masing/Pusat Kokurikulum.

b. Kursus-kursus yang tidak memerlukan peperiksaan akhir semester hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Akademik Kolej masing-masing/Pusat Kokurikulum.

5.2 Gred

5.2.1 Seorang pelajar akan diberi penilaian seperti berikut:-

- a. Gred dan Matagred yang diberikan untuk menilai prestasi akademik pelajar dalam sesuatu kursus adalah seperti berikut :-

Gred Matagred

A+	- 4.00 (Cemerlang)
A	- 4.00 (Cemerlang)
A-	- 3.67 (Kepujian)
B+	- 3.33 (Kepujian)
B	- 3.00 (Kepujian)
B-	- 2.67 (Baik)
C+	- 2.33 (Baik)
C	- 2.00 (Lulus)
C-	- 1.67 (Gagal)
D+	- 1.33 (Gagal)
D	- 1.00 (Gagal)
F	- 0.00 (Gagal)
X	- 0.00 (Dihalang)
TL	- Tidak Lengkap
M/TM	- Memuaskan/Tidak Memuaskan
TD	- Tarik Diri

- b. Skala permarkahan ini juga digunakan untuk kursus Praktikum.
- c. Pelajar yang mendapat gred C-, D+, D dan F bagi mana-mana kursus perlu mendaftar dan mengulang semula kursus berkenaan hingga memperoleh sekurang-kurangnya gred C (Lulus).
- d. Gred F akan diberi kepada pelajar yang tidak mengambil peperiksaan akhir kecuali kursus-kursus yang tidak memerlukan peperiksaan akhir seperti yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Akademik Kolej/Pusat Kokurikulum.
- e. Gred X adalah gred yang diberikan kepada pelajar berikut:
- i. Dihalang daripada mengambil peperiksaan akhir oleh kerana kehadiran dalam kuliah atau tutorial kurang daripada 80%. Gred X bagi sesuatu kursus tidak boleh ditebus.

- ii. Kehadiran ke kuliah atau tutorial kurang daripada 80% bagi kursus-kursus yang tidak mempunyai peperiksaan akhir.

- iii. Peraturan halangan untuk pelajar yang berhutang daripada mendaftar kursus bagi semester berikutnya (kecuali pelajar yang di bawah penajaan/biasiswa boleh membuat pendaftaran kursus walaupun berhutang)

- f. Gred TL boleh diberikan kepada pelajar yang belum melengkapkan mana-mana keperluan tertentu bagi sesuatu kursus kecuali peperiksaan atau ujian tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- i. Permohonan untuk mendapatkan gred TL hendaklah dikemukakan kepada Penolong Naib Canselor / Dekan Pusat Pengajian Kolej masing-masing /Pengarah Pusat Kokurikulum setelah mendapat persetujuan pensyarah berkenaan;

- ii. Permohonan untuk mendapatkan gred TL hendaklah dikemukakan sebelum berakhirnya minggu ke-15;

- iii. Gred TL hendaklah ditebus dalam tempoh empat (4) minggu selepas tarikh akhir semester berkenaan;

- iv. Jika gred TL ditebus selepas tamat tempoh empat (4) minggu seperti dalam (iii) di atas, tetapi tidak melebihi empat (4) minggu yang kedua, maka pelajar akan menerima gred satu peringkat rendah daripada gred yang layak diterima;

- v. Jika gred TL tidak ditebus selepas tamat tempoh lapan (8) minggu yang ditetapkan, gred F akan diberikan kepada pelajar terlibat.

- g. Gred Tidak Lengkap (TL) bagi mana-mana keperluan Penilaian Praktikum boleh diberikan kepada pelajar yang belum melengkapkan keperluan Praktikum tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
- i. Permohonan untuk mendapatkan gred TL hendaklah dikemukakan kepada Dekan Pembangunan Pelajar & Alumni setelah mendapat persetujuan Penyelia Laporan pelajar.
 - ii. Permohonan untuk mendapatkan gred TL hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas mengakhiri Praktikum.
 - iii. Gred TL hendaklah ditebus dalam tempoh empat (4) minggu selepas tarikh akhir penyerahan Laporan Praktikum.
 - iv. Jika gred TL ditebus selepas tamat tempoh empat (4) minggu seperti dalam (iii) di atas, tetapi tidak melebihi empat(4) minggu yang berikutnya, maka pelajar akan menerima gred satu peringkat rendah daripada gred yang layak diterima.
 - v. Jika gred TL tidak ditebus selepas tempoh lapan (8) minggu yang ditetapkan, gred F akan diberikan kepada pelajar tersebut.
- h. Gred M/TM akan diberikan kepada pelajar yang mendaftar kursus secara audit.
- i. Kursus berkenaan dikira dalam jumlah beban kerja;
 - ii. Pelajar masih dikehendaki untuk menduduki semua peperiksaan;
 - iii. Membuat semua tugas seperti pelajar lain;

iv. M atau TM (tidak diambilkira dalam PMK).

- i. Gred TD boleh diberikan kepada:
- i. Pelajar yang membuat permohonan kepada Penolong Naib Canselor / Dekan Pusat Pengajian Kolej masing-masing sebelum berakhir atau pada minggu yang kelima setiap semester. Walau bagaimanapun pelajar boleh membuat permohonan TD selepas minggu kelima hingga berakhirnya minggu yang kelapan dengan dikenakan penalti sebanyak RM50 bagi setiap kursus. Semua permohonan hendaklah didaftarkan di Pusat Pengajian masing-masing.
 - ii. Pelajar yang mendaftar kursus Praktikum tetapi gagal mendapat tempat dimana-mana organisasi dalam tempoh yang ditetapkan. Permohonan TD hendaklah dibuat melalui Dekan Pembangunan Pelajar & Alumni.
 - iii. Pelajar Intersesi boleh mengemukakan permohonan kepada Penolong Naib Canselor / Dekan Pusat Pengajian Kolej masing-masing dalam masa 24 jam sebelum minggu peperiksaan akhir bermula.

5.2.2 Penilaian muktamad bagi setiap kursus pada setiap semester yang diperolehi oleh seorang pelajar akan dicatatkan dalam rekod akademiknya.

5.3. Skala Pemarkahan

Gred	Markah
A+	90-100
A	80 - 89
A-	75 - 79
B+	70 - 74
B	65 - 69

B-	60 - 64
C+	55 - 59
C	50 - 54
C-	45 - 49
D+	40 - 44
D	35 - 39
F	0 - 34

5.3.1 Semua matagred yang diperolehi pelajar dalam semua kursus sebagaimana yang dinyatakan dalam 5.2 di atas, akan diambil kira untuk menentukan Purata Matagred Keseluruhan (PMK) dengan menggunakan formula seperti berikut:-

$$PMK = \frac{\sum_{i=1}^n K_i M_i}{\sum_{i=1}^n K_i}$$

K_i = jam kredit bagi kursus i

M_i = matagred bagi kursus i

n = bilangan kursus yang telah diikuti

5.4 Lain-Lain Peperiksaan

a. Peperiksaan Khas

i. Syarat Peperiksaan Khas

- Pelajar Semester Akhir.
- Gagal satu (1) kursus di dalam Peperiksaan Akhir Semester.
- Pelajar dihalang (X), tidak hadir Peperiksaan Akhir (F1) dan gagal kerana tidak hantar tugasan (TT)- tiada markah tugasan dan peperiksaan akhir (TF) dan markah peperiksaan akhir 0 (FF) adalah tidak layak menduduki Peperiksaan Khas.

- Mencapai PMK untuk Teras Program 2.00 ke atas.
- Layak menduduki peperiksaan sekali sahaja sepanjang pengajian.
- Jika GAGAL, dikehendaki tangguh pengajian pada semester berkenaan bagi pelajar yang sedang menjalani praktikum.
- Pemarkahan adalah mengikut peratusan yang ditetapkan iaitu 60/40 atau 40/60 atau 50/50 atau 70/30.
- Dikenakan bayaran sebanyak RM 40.00 bagi setiap jam kredit sekiranya lulus kursus yang diduduki.

b. Peperiksaan Gantian

i. Syarat-Syarat Peperiksaan Gantian

- Pelajar hendaklah mempunyai Sijil Cuti Sakit dari Hospital Kerajaan/Pusat Kesihatan Pelajar dan di Hospital/Klinik Swasta.
- Hanya satu (1) Sijil Cuti Sakit sahaja yang dibenarkan. Di dalam kes-kes tertentu lebih daripada satu (1) Sijil Sakit boleh dipertimbangkan. Tempoh sah Sijil Cuti Sakit ialah satu (1) minggu dari tarikh peperiksaan.
- Pelajar yang bersalin dalam minggu peperiksaan adalah layak mendapat Cuti Rehat selama 2 minggu dari tarikh peperiksaan.
- Pelajar yang kematian saudara terdekat (ibu, bapa, saudara kandung, isteri, suami, anak dan lain-lain) hanya diberikan 3 hari sahaja tempoh pelepasan untuk semua kaum dan hendaklah disertakan salinan Sijil Kematian saudara tersebut.
- Kes-kes Mahkamah.
- Pelajar yang mempunyai kes-kes lain hendaklah majukan borang permohonan kepada Dekan (A) Kolej Akademik untuk sokongan dan diserahkan kepada Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Akademik bagi mendapatkan kelulusan untuk melayakkan diri menduduki peperiksaan tersebut.

c. Peperiksaan Intersesi

i. Syarat-Syarat Peperiksaan Intersesi

- a. Maksimum kredit yang dibenarkan adalah 8 jam kredit. Bayaran bagi satu (1) jam kredit adalah RM40.00.
- b. Pelajar-lelajar yang dibenarkan untuk mendaftar Intersesi adalah :-
 - Pelajar yang telah mencapai gred C-, D+, D dan F bagi mana-mana kursus di atas tetapi ingin menebus semula gred berkenaan.
 - Pelajar-pelajar yang sepatutnya menamatkan pengajian tetapi masih lagi belum mengambil mana-mana kursus seperti di atas seperti yang tercatat di dalam struktur penawaran kursus.
- c. Tarik diri kursus dibenarkan 24 jam sebelum peperiksaan akhir bermula.
- d. Sila pastikan kursus-kursus yang dipilih tidak bertindih.
- e. Pelajar yang menanggung pengajian/digantung semester dan akan menjalani praktikum tidak dibenarkan untuk mengambil kursus Intersesi.
- f. Mana-mana pelajar yang telah menjelaskan bayaran tetapi tidak memenuhi syarat di atas, bayaran berkenaan tidak akan dikembalikan.
- g. Borang permohonan pendaftaran kursus Intersesi boleh diperolehi di Kolej Akademik masing-masing.
- h. Kelulusan permohonan kursus Intersesi akan dikeluarkan selepas dua (2) minggu dari tarikh tutup oleh Kolej Akademik. Pembayaran hendaklah dibuat di kaunter pembayaran Jabatan Bendahari atau Bank Islam setelah permohonan pelajar diluluskan.
- i. Kuliah akan bermula selepas tamat peperiksaan akhir semester tertakluk kepada perubahan.
- j. Pelajar Intersesi akan diberi keputusan Peperiksaan Akhir Semester Kedua yang menyatakan gred kursus sahaja tanpa PMS, PMK dan Status Keputusan.

- k. Keputusan lengkap pelajar yang mengambil kursus Intersesi akan diumumkan lewat 30 hari dari pelajar lain.

6.0 SYARAT-SYARAT UNTUK MENERUSKAN PENGAJIAN

- 6.1 Taraf Lulus
Pelajar yang mendapat PMK 2.00 atau lebih dalam semester berkenaan adalah LULUS dan boleh meneruskan pengajian ke semester berikutnya.
- 6.2 Taraf Lulus Bersyarat
Pelajar yang bertaraf LULUS (mengikut keputusan peperiksaan semester yang baru lalu, jika berkenaan) tetapi mendapat PMK kurang daripada 2.00 tetapi tidak kurang daripada 1.50 pada akhir semester berkenaan adalah LULUS BERSYARAT (LB). Pelajar terlibat akan diberi amaran untuk meningkatkan PMKnya supaya mencapai taraf LULUS pada semester berikutnya.
- 6.3 Taraf Mengulang Semester
Pelajar yang bertaraf LULUS (mengikut keputusan peperiksaan yang baru lalu, jika berkenaan) tetapi mendapat PMK kurang daripada 1.50 dan tidak kurang daripada 1.00 pada akhir semester berkenaan adalah dibenarkan mengulang semester tersebut, tertakluk kepada perkara-perkara berikut:-
 - a. Pelajar bertaraf ini hendaklah diberikan amaran untuk meningkatkan PMKnya supaya mencapai taraf LULUS pada semester berikutnya;
 - b. Semua kursus yang telah diambil oleh pelajar dalam semester tersebut akan dimansuhkan dan tidak akan diambil kira dalam PMKnya;
 - c. Kursus yang diulang oleh pelajar tidak semestinya kursus yang sama kecuali bagi kursus yang wajib;
 - d. Taraf mengulang diberi hanya satu kali sepanjang tempoh pengajian iaitu pada semester pertama sahaja.
 - e. Semua keputusan akan dicatat dalam rekod akademik pelajar;
- 6.4 Taraf Gagal

- 6.4.1 Pelajar yang mendapat PMK kurang daripada 1.00 dalam mana-mana semester atau GAGAL dan akan diberhentikan dari Universiti.
- 6.4.2 Pelajar bertaraf LULUS BERSYARAT (mengikut keputusan peperiksaan yang baru lalu) yang masih tidak mencapai taraf LULUS dengan PMK 2.00 adalah GAGAL dan akan diberhentikan dari Universiti.
- 6.4.3 Pelajar bertaraf GAGAL BERHENTI (mengikut keputusan peperiksaan yang lalu) mencapai PMK 1.90 – 1.99 dan tidak ada status X (halang) adalah dibenarkan meneruskan pengajian sebagai peluang terakhir dan perlu mencapai PMK 2.00 pada semester berikutnya.
- 6.4.4 Pelajar bertaraf GAGAL BERHENTI (mengikut keputusan peperiksaan yang lalu) tetapi mencapai PMK 1.80 – 1.89 dan tidak ada status X (halang) dibenarkan membuat rayuan untuk meneruskan pengajian dan wajib mencapai PMK 2.00 pada semester berikutnya.
- 6.4.5 Pelajar bertaraf MENGULANG SEMESTER (mengikut keputusan peperiksaan yang baru lalu) masih tidak mencapai taraf LULUS dengan PMK 2.00 adalah GAGAL dan akan diberhentikan dari Universiti.
- 6.4.6 Pelajar bertaraf di perkara 6.4.3, 6.4.4 dan 6.4.5 jika masih gagal mencapai PMK 2.00 akan diBerhentikan daripada meneruskan pengajian dan tidak lagi dibenarkan untuk membuat rayuan.

7.0 SYARAT LULUS DAN MENDAPATKAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN

- 7.1 Syarat Pengijazahan
Seorang pelajar boleh dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian jika telah memenuhi syarat-syarat berikut:-
 - a. Memenuhi semua kehendak syarat seperti di para 4.0;

- b. Telah mencapai PMK sekurang-kurangnya 2.00 hingga 4.00;
- c. Telah mencapai PMK sekurang-kurangnya 2.00 hingga 4.00 bagi kursus Teras Program.
- d. Lulus dan mencapai sekurang-kurangnya matagred 2.00 bagi semua kursus yang diambil kecuali kursus yang diambil secara Audit.

7.2 Kelas Kepujian

Kelas-kelas kepujian yang dianugerahkan adalah seperti berikut:-

Kelas	Kriteria
Pertama	- PMK : 3.67 – 4.00
Kedua Atas	- PMK : 3.00 – 3.66
Kedua Bawah	- PMK : 2.00 – 2.99

7.3 Pemindahan Kredit

7.3.1 Pelajar yang berkelulusan Diploma atau berpindah dari Universiti lain yang diterima masuk ke Universiti ini boleh diberi pemindahan kredit, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- a. Kursus atau kursus-kursus yang hendak dipindah kredit itu hendaklah setaraf atau lebih tinggi daripada kursus yang ditawarkan oleh Universiti;
- b. Prestasi pelajar dalam kursus atau kursus-kursus tersebut hendaklah seperti yang dikehendaki untuk sesuatu Program yang diikuti di Universiti;
- c. Dalam kes Kursus kokurikulum, selain syarat-syarat yang dinyatakan pada para (a) dan (b), pemindahan kredit boleh diberikan/ dipertimbangkan kepada pelajar yang mempunyai kemahiran luar biasa/tinggi dalam bidang kokurikulum yang ditawarkan di Universiti ini atau mereka yang telah bergiat dalam aktiviti Khidmat Masyarakat di luar bidang tugas

hakikinya selama beberapa tahun sebelum memasuki Universiti ini.

- d. Bermula Semester Kedua Sesi 2009/2010 (Disember 2009), pemindahan kredit bagi kursus Praktikum adalah dibenarkan kepada semua pelajar berdaftar UUM (Penuh Masa atau PLK) dengan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:
- i. tempoh minimum enam (6) tahun perkhidmatan di mana-mana sektor perkhidmatan kerajaan atau swasta;
 - ii. pelajar berdaftar UUM atau Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta yang ada program kerjasama dengan UUM yang sah;
 - iii. terbuka hanya kepada semua pelajar program pengajian yang ditetapkan oleh Universiti di peringkat Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian UUM;
 - iv. pemindahan jumlah jam kredit praktikum adalah tidak diambil kira dalam pengiraan jumlah 1/3 dari jumlah keseluruhan jam kredit sesuatu program.

7.3.2 Universiti berhak mengadakan ujian untuk menentukan sama ada pemindahan kredit boleh diberi kepada seseorang pelajar bagi mana-mana kursus.

7.4 Pengecualian Kredit

- a. Pelajar yang Lulus dalam kursus yang diikuti melalui program Belajar Luar Negara adalah dikecualikan daripada mengambil kursus Teras Universiti, Teras Program atau Elektif Bebas yang diiktiraf setara dengan kursus yang diikuti melalui program tersebut. Kredit bagi kursus tersebut adalah diambil kira memenuhi syarat pengijazahan.
- b. Sejumlah enam (6) jam kredit dikecualikan kepada Yang DiPertua dan Setiausaha Agung

Majlis Perwakilan Pelajar UUM (MPP) dan tiga (3) jam kredit dikecualikan kepada Semua Ahli Majlis Tertinggi, Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Biro MPP. Kursus yang boleh dipohon adalah terdiri daripada kursus Asas Keusahawanan, kursus Elektif Bebas, kursus yang ditentukan oleh Dekan Pusat Pengajian kolej masing-masing. Kredit bagi kursus tersebut adalah diambil kira memenuhi syarat pengijazahan.

- c. Jam kredit bagi Praktikum tidak diambil kira dalam jumlah maksimum kredit yang dibenarkan untuk sesuatu semester.

8.0 PERUNTUKAN AM

8.1 Penangguhan Pendaftaran Semester

- a. Seorang pelajar boleh dibenarkan menangguhkan mana-mana semester jika menghadapi gangguan kesihatan untuk tempoh yang agak lama. Perakuan daripada doktor yang diperakui oleh Universiti atau pihak lain yang sah adalah diperlukan. Tempoh penangguhan pendaftaran yang dibenarkan kepada seorang pelajar yang sakit tidak akan diambil kira dalam tempoh maksimum yang dibenarkan untuk mendapat ijazah. Walau bagaimanapun, jumlah tempoh yang dibenarkan ini tidak melebihi tiga (3) semester. Bagi pelajar yang mengikuti pengajian secara Program Jarak Jauh (PJJ), tempoh penangguhan yang dibenarkan ialah tidak melebihi enam (6) semester sepanjang pengajian. Pelajar perlu membuat permohonan kepada Universiti bagi setiap semester yang ingin ditangguh.
- b. Seorang pelajar boleh dibenarkan menangguhkan mana-mana semester kerana apa juga sebab selain daripada sakit/masalah kesihatan dengan persetujuan pihak penaja, dan tempoh yang diluluskan itu akan diambil kira dalam tempoh maksimum yang dibenarkan untuk mendapatkan ijazah. Permohonan boleh dibuat sebelum berakhir minggu ke-15.
- c. Pelajar yang diberi penangguhan pendaftaran akan hilang taraf sebagai pelajar Universiti. Oleh yang demikian, pelajar itu tidak berhak

mendapat atau menggunakan kemudahan Universiti sehingga ia mendaftar semula.

8.2 Halangan

- a. Seorang pelajar boleh dihalang daripada mengambil peperiksaan akhir sekiranya tidak menghadiri sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah kuliah dan tutorial;
 - b. Seorang pelajar akan dihalang daripada mengambil peperiksaan akhir sekiranya lewat lebih daripada tiga puluh (30) minit memasuki Dewan Peperiksaan tanpa sebab yang munasabah. Gred F akan diberikan kepada pelajar berkenaan;
 - c. Seorang pelajar akan dihalang daripada menerima keputusan peperiksaan rasmi pada akhir setiap semester sehingga beliau menjelaskan kepada Universiti segala bayaran yuran dan bayaran lain yang diperlukan;
 - d. Seorang pelajar boleh dihalang daripada mendaftar untuk semester berikutnya jika beliau tidak menjelaskan mana-mana bayaran yang diperlukan kepada Universiti.
- 8.3 Pelajar yang tidak mendaftar kursus selepas minggu kedua pada setiap semester akan digugurkan dari senarai nama pelajar berdaftar UUM.

9.0 KUASA SENAT

Senat boleh mengecualikan apa-apa syarat yang terkandung di dalam peraturan ini.

Maklumat di dalam dokumen ini adalah benar seperti dicetak; pihak Universiti berhak untuk membuat perubahan tanpa sebarang makluman awal